

26/01/2003

Ad-din tidak berubah, yang membezakan orangnya

Syed Akbar Ali

KETIKA melawat Mesir baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluahkan kesedihannya melihat pelajar Malaysia di Universiti Al Azhar di Kaherah yang membazirkan masa menuntut pelajaran yang tidak dapat menjamin masa depan yang selesa bagi mereka.

Mengikut Dr Mahathir paling ramai pelajar yang mengikuti jurusan agama bukan saja kelihatan jumud dan anti kemajuan Islam tetapi peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan taraf ekonomi mereka setelah kembali amat terhad. Berbanding pelajar yang menuntut ilmu Islam yang berguna seperti sains dan teknologi, mereka bakal menganggur jika tidak diberi jawatan kerajaan yang juga terhad.

Walaupun sebilangan pelajar Malaysia di Universiti Al Azhar mempunyai pendekatan yang jumud ataupun ekstremis tetapi Universiti Al Azhar sebenarnya sedang menjalani perubahan yang patut diberi perhatian.

Di bawah pimpinan Sheikh Syed Mohamed Thantawi, Sheikh Besar Al Azhar, universiti itu telah mengeluarkan beberapa fatwa baru yang malang sekali dibisukan oleh ulama lain di merata dunia. Antaranya ialah fatwa Al Azhar yang menghalalkan perbankan konvensional sebagai tidak membabitkan riba. Universiti Al Azhar juga berpendapat bahawa kesalahan murtad tidak perlu diberi hukuman bunuh. Untuk makluman pembaca Kitab Allah al-Quran tidak menyebut hukuman bunuh bagi orang murtad.

Pendapat dan fatwa seperti ini mempunyai makna yang besar. Bukan saja dari segi pendapatnya yang amat berlainan dengan pendapat ulama lain tetapi yang lebih penting ialah apa yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai hukum Allah ataupun kehendak agama sekarang telah dipinda oleh manusia yang bergelar ulama agama.

Sebenarnya hukum-hukum Allah adalah tetap dan tidak boleh dipinda oleh sesiapa pun. Ungkapan 'hukum Allah' tidak mempunyai makna jika ia boleh dipinda oleh manusia mengikut fahamannya sendiri. Tetapi yang sebenarnya berlaku ialah memang perkara yang sebelum ini digelar sebagai hukum Allah sekarang telah dipinda oleh manusia.

Dalam negara kita sendiri kita melihat parti Pas cuba melaksana 'hukum Allah' di Kelantan dan Terengganu. Tetapi hudud di Kelantan berbeza daripada hudud di Terengganu. Kesalahan 'bughah' berkenaan dalam hudud Terengganu tetapi tidak ada dalam hudud Kelantan. Dan cadangan hudud Terengganu akhir sekali dipinda apabila kumpulan wanita membantah beberapa perkara yang menyentuh hak wanita. 'Hukum Allah' boleh berbeza antara dua buah negeri dan juga boleh dipinda. Ini jelas membuktikan apa yang dijual sebagai 'hukum Allah' sering kali hanya mainan pemikiran kumpulan tertentu saja.

Dan baru-baru ini Dr Abdullah Ahmed An-Naim seorang ulama yang terkenal di Sudan dan peringkat antarabangsa telah melawat ke Indonesia dan Malaysia. Dr Abdullah telah berucap kepada ramai peminatnya di Indonesia termasuk ulama tinggi negara itu bahawa apa yang dipercayai sebagai 'sistem undang-undang syaria' bukan semuanya 'hukum Allah' (not divine). Seterusnya Dr Abdullah berkata bahawa undang-undang syaria tidak selaras dengan amalan demokrasi dan prinsip negara moden. Mengikut Dr Abdullah, undang-undang syaria yang dilaksanakan sekarang secara sepenuhnya atau sebahagiannya saja di Arab Saudi, Afghanistan, Iran, Sudan, Algeria, Nigeria, Jordan, Iraq dan Lebanon semuanya adalah negara yang tidak demokratik.

Mengikut Dr Abdullah, tidak ada satu negara pun dalam sejarah Islam yang

sungguh lama itu yang telah melaksanakan undang-undang syariah seperti mana dilaungkan oleh kumpulan tertentu dalam dunia Islam sekarang.

Selain daripada pendapat Dr Abdullah, baru ini dua orang Ayatollah besar di Republik Iran telah mengeluarkan fatwa yang juga merubah apa yang sebelum ini diterima sebagai 'hukum Allah'.

Ayatollah Naser Makarem Shirazi seorang Ayatollah yang berpengaruh di Iran yang menetap di Qom, telah mengeluarkan fatwa bertulis bahawa kesalahan berzina tidak semestinya dihukum bunuh iaitu melalui rejaman dengan batu. Untuk makluman pembaca Kitab Allah al-Quran menetapkan hukuman sebatan 100 kali bagi orang yang berzina.

Seorang lagi Ayatollah yang berpengaruh di Qom, iaitu Ayatollah Hussein Mousavi Tabrizi, menyokong fatwa Ayatollah Naser Makarem dengan berkata Islam perlu menepati "kehendak pemodenan zaman".

Di tanah air kita sendiri, orang yang mengharapkan bimbingan daripada ulama politik merasa ditipu kerana parti Pas yang hingga kini belum melaksanakan hukum hudud di Terengganu seperti dicanangkan sekarang mengumumkan penangguhan pelaksanaannya sehingga mereka dapat mengkaji pelaksanaan hukum hudud di negara lain. Ini adalah permainan silap mata yang sebenarnya bermaksud bahawa hukum hudud telah terkubur di Terengganu.

Ini juga membuktikan bahawa walaupun mereka mempunyai Dewan Ulama, Pas tidak mempunyai keyakinan yang cukup tentang hudud. Bagaimanapun keputusan Pas untuk mengkaji dulu hudud di negara lain patut disanjung. Pemimpin Pas suka melawat ke Australia, Amerika dan London tetapi mereka harus mengunjungi Universiti Azhar dan Iran juga untuk mendapatkan tafsiran terkini tentang hukum agama.

Fatwa rasmi Universiti Al Azhar yang menghalalkan sistem perbankan konvensional, pegangan Universiti Al Azhar bahawa kesalahan murtad tidak perlu dijatuhkan hukuman bunuh serta fatwa Ayatollah Naser Makarem Shirazi bahawa hukuman rejam dengan batu untuk pezina boleh diganti dengan hukuman lain semuanya perlu dijelaskan kepada pengikut mereka.

Semua perkembangan ini mempunyai relevan juga pada waktu ini di mana kita sedang mencuba untuk menyelaraskan pelaksanaan undang-undang syariah dalam negara kita. Sekali lagi pelaksanaan undang-undang syariah berbeza antara satu negeri dengan negeri lain. Pihak berkenaan yang diberi tanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan undang-undang syariah dalam negara kita harus meneliti perkembangan terbaru dalam pemikiran Islam di seluruh dunia.

Islam adalah ad-din yang diwahyukan Allah sebagai panduan kepada seluruh umat manusia untuk sepanjang zaman sehingga ke Hari Terakhir. Ia mustahil bahawa ad-din Islam ini boleh berbeza apabila ia merentasi sempadan ataupun antara satu negeri dan negeri lain dalam sesebuah negara. Sudah tentu yang berbeza itu adalah orangnya dan bukan Islam. Perubahan itu memang perlu tetapi yang perlu diubah juga adalah orangnya dan bukan ad Deen Islam.